

# MKM sasar jadi pengendali umrah, haji terbesar

SINAR HARIAN 2/11/2023 1/3/20

**SHAH ALAM** - MKM Ticketing Travel and Tour Sdn Bhd (MKM) melancarkan pelan strategik dalam tempoh lima tahun bermula 2024 hingga 2028 untuk muncul sebagai pengendali umrah, haji dan pakej pelancongan Muslim terbesar di negara ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohd Khairi Mat Jahya berkata, MKM memperuntukkan RM250,000 bagi pembukaan lima cawangan baharu di Kelantan, Pulau Pinang, Johor, Kedah dan Pahang.

"Ketika mula ditubuhkan pada 2011, persediaan syarikat tidak menyeluruh tapi kini kami bersedia sepenuhnya dengan pasukan yang kuat dan berpengetahuan serta pengurusan lebih baik.



**Mohd Khairi (kanan) dan Ketua Pegawai Operasi MKM, Nik Shazni Farhan Nik Mohammad Shah menunjukkan logo baharu MKM.**

"Pihak pengurusan juga akan menambah bilangan ejen kepada 200 orang berbanding lebih 80 orang yang aktif pada masa ini termasuk di Sabah dan Sarawak," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, beliau

memberitahu, MKM turut memperkenalkan logo baharu bagi menaikkan imej korporat syarikat supaya lebih dikenali bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Pengarah Strategik MKM, Abdul Hadi

Abdul Raman berkata, pengenalan logo baharu itu bagi mencerminkan komitmen syarikat untuk terus berkembang.

Jelasnya, 'sayap' pada logo itu merujuk kepada usaha dan kesungguhan syarikat untuk terbang lebih tinggi.

Pada masa sama, beliau maklumkan, pihak pengurusan menyasarkan untuk mengendalikan 80,000 jemaah umrah dengan peningkatan 50 peratus bilangan jemaah haji atau 1,000 jemaah terpilih.

Menurutnya, pihak syarikat menyasarkan penjualan tiket dan pelancongan Muslim sebanyak RM50 juta pada 2028.

"Berdasarkan pengalaman lalu, saya percaya sasaran ditetapkan dalam pelan berkenaan boleh dicapai," katanya.